

**TEKS UCAPAN
DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
BENGKEL PEMAHAMAN DAN PELAKSANAAN *UNIVERSAL DESIGN*
(UD) DI SEBERANG PERAI
15 MEI 2017 (ISNIN), 9:00 PAGI**

Yang Berhormat Puan Yap Soo Huey
Adun Pulau Tikus
Merangkap
Pengerusi Penang Accessibility Action Group (PAAG)

Yang Dihormati
Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua- Ketua Jabatan Dan Pegawai-Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tuan-Tuan dan Puan –puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera,

Pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.B. Yap Soo Huey, Pengerusi PAAG Pulau Pinang dan Dr Tiun Ling Ta bersama MPSP kerana telah merancang dan melaksanakan Bengkel Pemahaman Dan Pelaksanaan Universal Design (UD) Di Seberang Perai untuk tahun 2017 ini.

Selain itu, tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada pegawai-pegawai daripada agensi kerajaan dan swasta yang hadir ke bengkel ini dalam melaksanakan konsep-konsep Universal Design atau dikenali sebagai Rekabentuk Sejagat.

Untuk makluman para hadirin sekalian, bengkel ini adalah berteraskan Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974, Malaysian Standard (MS-1184) , serta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam MPSP (UBBL- 34-A) yang digunapakai dan dikuatkuasakan pada peringkat perancangan, pelan pembangunan dan penguatkuasaan.

Para hadirin sekalian,

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pemahaman dan kaedah dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Universal Design kepada agensi teknikal samada kerajaan mahupun agensi swasta termasuk para Arkitek, Jurutera, Pemaju, serta Principal Submitting Person (PSP). Bengkel ini akan merungkai beberapa kesalahan yang sering dilakukan oleh arkitek, jurutera, kontraktor serta pemaju dalam menyediakan pelan dan pembinaan fizikal Universal Design berdasarkan Malaysian Standard (MS-1184)

Tuan/ Puan yang dihormati

MPSP komited dalam memastikan golongan OKU di Pulau Pinang terbela dan dengan adanya Penang Accessibility Group (PAAG) yang dipengerusikan oleh Y.B. Yap Soo Huey dibawah pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang membuktikan golongan berkenaan diberi keutamaan termasuk penyediaan fasiliti yang lebih baik dan lebih mesra pengguna selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri yang mesra OKU.

Hadirin yang dihormati,

Pada tahun 2017, sebanyak 101 permohonan pelan bangunan telah diterima dan sebanyak 72 daripada permohonan berkenaan adalah tidak lengkap daripada segi spesifikasi Universal Design (UD) dan oleh yang demikian PSP perlu membuat pematuhan semula syarat yang telah ditetapkan oleh MPSP bagi kelulusan pelan pembangunan berkenaan. Arkitek/ jurutera/ PSP adalah bertanggungjawab mematuhi syarat yang ditetapkan oleh MPSP terutamanya bangunan yang melibatkan keperluan dalam UD.

Daripada segi penguatkuasaan, MPSP telah menitikberatkan fasiliti OKU dan antara penguatkuasaan yang berkesan ialah meletakkan caj maksimum penyalahgunaan tempat letak kereta OKU dengan kadar denda sebanyak RM100.00 bagi setiap kesalahan dan tindakan ini telah berjaya mendidik pengguna agar lebih peka terhadap tempat letak kereta golongan OKU.

Oleh yang demikian, dengan adanya inisiatif MPSP mengadakan bengkel ini, saya berharap agar program ini memberi manfaat sepenuhnya kepada semua peserta yang terlibat dan seterusnya fasiliti golongan OKU di Pulau

Pinang secara amnya dipelihara dengan baik dan ianya lebih mesra pengguna.

Dengan hasrat itu, saya dengan ini berbesar hati merasmikan bengkel Pemahaman dan Pelaksanaan Universal Design (UD) Di Seberang Perai bagi tahun 2017 ini.

Sekian, terima kasih.